



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
MODERN EDUCATION  
(IJMOE)**

[www.ijmoe.com](http://www.ijmoe.com)



## **GERAKAN INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM DI ZAMAN PEMERINTAHAN SULTAN MUHAMMAD SHAFIUDDIN II BIN SULTAN ABU BAKAR TAJUDDIN II (1866 - 1924) SAMBAS**

**THE MOVEMENT OF ISLAMIC EDUCATIONAL INSTITUTIONS IN THE ERA OF  
THE RULE OF SULTAN MUHAMMAD SHAFIUDDIN II BIN SULTAN ABU  
BAKAR TAJUDDIN II (1866 - 1924) SAMBAS**

Abdul Razak Abdul Kadir<sup>1\*</sup>,

<sup>1</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Malaysia  
Email: abdurak1@uitm.edu.my

\* Corresponding Author

### **Article Info:**

#### **Article history:**

Received date: 18.04.2024  
Revised date: 13.05.2024  
Accepted date: 15.06.2024  
Published date: 30.06.2024

#### **To cite this document:**

Kadir, A. R. A. (2024). Gerakan Institusi Pendidikan Islam Di Zaman Pemerintahan Sultan Muhammad Shafiuuddin II Bin Sultan Abu Bakar Tajuddin II (1866 - 1924) Sambas. *International Journal of Modern Education*, 6 (21), 507-524.

**DOI:** 10.35631/IJMOE.621036

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### **Abstrak:**

Pendidikan merupakan elemen terpenting membangun modal insan. Pendidikan dikaitkan dengan bentuk formal melalui institusi seperti kelas pengajian, sekolah, kolej dan universiti. Keberadaan institusi pendidikan dalam masyarakat membangun amat penting bagi menjadikan masyarakat mempunyai tahap peradaban yang tinggi. Apatah lagi pendidikan yang bernuansakan Islam yang disokong penuh oleh institusi kesultanan dan disemarakkan para ulama yang sanggup meletakkan tenaga dan usaha supaya impian institusi pendidikan berdiri dengan kukuh. Sambas diiktiraf sebagai serambi Mekah selepas Aceh kerana peranan institusi pendidikannya melahirkan ulama ulung di Sambas bahkan menebar di wilayah Nusantara dan Mekah. Objektif kajian ini ialah mengetengahkan tokoh pendidikan Islam seperti Sultan Muhammad Shafiuuddin II bin Sultan Abubakar Tajuddin II(1866 - 1924), Syeikh Ahmad Khathib bin Abdul Ghaffar bin Abdullah bin Muhammad as-Sambasi (1803-1875) dan Maharaja Imam Muhammad Basiuni Imran (1885-1976). Manakala objektif kedua ialah menyorot institut pendidikan Islam seperti Madrasah Al-Sulthaniyah yang menjadi asas pendidikan unggul di Sambas. Metodologi kajian ini ialah menggunakan metodologi kesejarahan yang menggunakan model Kuntowijoyo iaitu melalui 4 proses tahapan iaitu Heuristik, kritik, analisa dan penulisan sejarah(historiografi). Hasil kajian ini mendapat Sultan Muhammad Shafiuuddin Ii Bin Sultan Abubakar Tajuddin II(1866 - 1924), Syeikh Ahmad Khathib bin Abdul Ghaffar bin Abdullah bin Muhammad as-Sambasi (1803-1875) dan Maharaja Imam Muhammad Basiuni Imran (1885-1976) merupakan

tokoh besar dalam pendidikan Islam di Sambas dan Madrasah Al-Sulthaniyah menjadi asas kepada perkembangan institusi pendidikan Islam di Sambas.

**Kata Kunci:**

Gerakan, Institusi, Islam, Kesultanan, Nusantara, Pendidikan, Sambas.

**Abstract:**

Movement education is the most important element in developing human capital. Education is associated with formal forms through institutions such as study classes, schools, colleges and universities. The existence of educational institutions in developing societies is very important to make society have a high level of civilization. Not to mention the education that has an Islamic nuance that is fully supported by the institution of the sultanate and encouraged by the scholars who are willing to put energy and effort so that the dream of the educational institution stands firmly. Sambas is recognized as the portico of Mecca after Aceh because of the role of its educational institutions that produced outstanding scholars in Sambas and even spread throughout the archipelago and Mecca. The objective of this study is to highlight Islamic education figures such as Sultan Muhammad Shafiuuddin II bin Sultan Abubakar Tajuddin II (1866 - 1924), Sheikh Ahmad Khathib bin Abdul Ghaffar bin Abdullah bin Muhammad as-Sambasi (1803-1875) and Maharaja Imam Muhammad Basiuni Imran (1885 -1976). While the second objective is to highlight Islamic educational institutes such as Madrasah Al-Sulthaniyah which is the foundation of superior education in Sambas. The methodology of this study is to use a historical methodology that uses the Kuntowijoyo model, which is through 4 stage processes, namely heuristics, criticism, analysis and historical writing (historiography). The results of this study found that Sultan Muhammad Shafiuuddin II bin Sultan Abubakar Tajuddin II (1866 - 1924), Sheikh Ahmad Khathib bin Abdul Ghaffar bin Abdullah bin Muhammad as-Sambasi (1803-1875) and Maharaja Imam Muhammad Basiuni Imran (1885-1976) were figures major in Islamic education in Sambas and Madrasah Al-Sulthaniyah became the basis for the development of Islamic education institutions in Sambas.

**Keywords:**

Archipelago, Education, Institution, Islam, Movement, Sultanate, Sambas.

**Pengenalan**

Sambas adalah salah satu wilayah yang pernah dikenali dengan gelaran Serambi Mekah. Serambi Mekah merujuk kepada satu kawasan yang penuh kaya dengan aktiviti ilmu pengetahuan, pendidikan dan pengajaran ilmu keislaman dan ilmu pengetahuan lain. Kemakmuran dari hasil ekonomi agro dan hasil lombong emas serta perdagangan adalah pendorong utama kepada pendidikan yang cukup sempurna di Sambas dan tambahan lain iaitu sokongan daripada kesultanan Sambas dalam menggerakkan dunia pendidikan di Sambas.

Kalau melihat fungsi pendidikan Islam tercetus dari kecintaan ilmu pengetahuan Islam dari masyarakat dan pemimpin. Peranan surau atau dikenali juga langgar (Ali, Wahyudi, & Komalasari, 2021) dan masjid secara tidak formal mencetus minat dan cinta terhadap ilmu

pengetahuan ini. Di setiap masjid atau surau mempunyai seorang yang terkenal dengan ilmu pengetahuan Islam yang digelar sebagai Khiyai(Indonesia) atau tok guru (Malaysia, Thailand). Tokoh tersebut yang bertanggungjawab langsung terhadap pengajaran pendidikan Islam di kawasan tersebut. Kalau melihat di Aceh seperti dirujuk (Embong, 2020; La Moane, Rama, & Achruh, 2023; Yanti, 2019) menggunakan istilah beberapa istilah seperti Meunasah, Madrasah, Rangkah, balai dan Dayah untuk merujuk institusi pendidikan Islam sama ada formal dan non formal. Manakala di Malaysia menggunakan istilah pondok yang merujuk pendidikan Islam secara tradisional (non formal) seperti belajar kitab kuning.

Pendidikan Islam di Nusantara menurut (Embong, 2020; Inayah, 2021; Kadir, 2011) pada awalnya bermula dengan format non formal yang berjalan di institusi Islam seperti masjid, surau dan balai, bahkan dijalankan di Istana. Sejakar dengan perkembangan semasa, pendidikan Islam secara non formal berubah secara berstruktur dengan terdirinya bentuk persekolahan yang lebih tersusun kurikulum dan sistem pengajaran. Namun demikian, ada yang menggabungkan dua pendekatan iaitu pendekatan tradisional seperti pembelajaran kitab kuning dan juga pendekatan moden yang mempunyai sukanan kurikulum sendiri. Sering terjadinya indikator institusi pendidikan Islam adalah reflek terhadap tindakan penjajah yang menganaktirikan pendidikan peribumi sehingga bangsa dijajah kelihatan buta huruf. Ada juga mengklasifikasi institusi pendidikan Islam adalah simbol kepada anti penjajah.

Pendidikan Islam di Sambas tidak terlepas daripada format sedia ada seperti mana di tempat lain. Pendidikan Islam ditawarkan di masjid, surau, madrasah dan bahkan Istana Kesultanan Sambas. Suburnya pendidikan Islam di Sambas kerana hubungan simbiotik antara ulama yang menjadi pendidik kepada institusi pendidikan dan sultan yang membantu secara ekonomi bagi pembangunan madrasah dan pendidikan serta penawaran pendidikan Islam ke Timur Tengah. Tawaran pendidikan Islam di Sambas agak unik kerana tidak menganaktirikan pendidikan ilmu moden. Kerjasama pemerintah Sambas dengan koloni dalam membentuk pola dwipendidikan amat menarik dibincangkan. Oleh yang demikian, institusi pendidikan Islam terlihat dalam dua wajah iaitu pendidikan Islam secara utuh dan pendidikan Islam yang bergabung dengan pendidikan ilmu moden. Tentu saja ada tokoh yang menggerakkan supaya dunia pendidikan subur di Sambas. Dan tidak lupa juga berdiri institusi pendidikan sebagai tempat untuk melahir ilmuan Islam. Dalam kajian ini, memfokuskan tentang peranan tokoh pendidikan dalam membangunkan dunia pendidikan Islam dan umum serta intitusi pendidikan yang tumbuh subur sehingga menjadi landasan melahirkan ilmuan Islam di Sambas.

## Kajian Literatur

Kajian lepas berkaitan tentang pendidikan Islam di Sambas boleh dilihat dalam bentuk penulisan jurnal dan buku serta prosiding konferensi di peringkat nasional dan antarabangsa. Kajian yang dijalankan oleh (Parwanto, 2022) memperincikan tentang peranan Maharaja Imam Muhammad Basiuni Imran (1885-1976) dalam pendidikan Islam di zaman Sultan Muhammad Shafiuuddin II bin Sultan Abu Bakar Tajuddin II(1866 – 1924) sehingga ke zaman kesultanan berikutnya.

Artikel yang ditulis oleh (Suhardi, Mulyono, Aslan, Syakhrani, & Putra, 2020) melihat struktur pemerintahan Zaman Sultan Muhammad Shafiuuddin II bin Sultan Abubakar Tajuddin II(1866 - 1924) yang membawa perubahan baru pendidikan Islam dengan memberikan suntikan wajah baru kurikulum pendidikan Islam sehingga perkembangan tersebut merubah langskap pendidikan lebih berfokus sehingga Sambas terkenal dengan Serambi Mekah. Sebelum itu,

perkembangan pendidikan Islam lebih kepada bentuk pendidikan tradisional yang berpusat di masjid dan surau.

Sama halnya kajian yang dijalankan oleh (Ardiansyah, 2020) yang mengetengah peranan Sultan Muhammad Shafiuddin II bin Sultan Abubakar Tajuddin II(1866 - 1924) yang mampu membawa perubahan institusi pendidikan Islam dan lembaga keagamaan. Ini tentu saja dipengaruhi oleh pengaruh kemasukan Belanda yang berasaskan ekonomi tetapi mulai mendominasi pemerintahan. Pengaruh lain ialah pelajar yang menamatkan pendidikan Islam di Timur Tengah mencorak dimensi pendidikan Islam dan lembaga keagamaan di Sambas.

Hal yang sama dikaji oleh (Safitri & Yusnita, 2020) yang memfokuskan institusi pendidikan Islam di Sambas di Zaman Sultan Muhammad Shafiuddin II bin Sultan Abubakar Tajuddin II(1866 - 1924). Munculnya Madrasah Al-Sulthaniyah yang menjadi asas pendidikan unggul di Sambas. Perubahan kurikulum yang berstruktur mampu membentuk para pelajar menekuni bidang keislaman secara terarah dan tersusun. Para gurunya adalah lulusan Timur Tengah yang memberikan impak besar sehingga lulusan madrasah tersebut menjadi guru di situ dan sebahagian yang lain membuka madrasah yang lain seperti Madrasah Asasun Najah didirikan oleh Murad Kasim, alumni Madrasah Al-Sulthaniyah.

Penulisan tentang Syeikh Ahmad Khathib bin Abdul Ghaffar bin Abdullah bin Muhammad as-Sambasi (1803-1875) dikaji oleh (Anam, Tanrere, & Nawawi, 2022) yang mengkaji tentang peranan Syeikh Ahmad Khathib dalam menyorot pemikiran berkaitan pendidikan karakter agar para pelajar mampu membentuk diri secara dalaman sehingga memberikan reflek kepada tingkahlaku yang baik. Ini boleh dilihat dalam bentuk Tareqat Qadiriyah Nakhsabandiyah yang dibawa oleh Syeikh Ahmad Khathib yang menekankan kepada dua hal terpenting iaitu *Riyâdhah an-Nafs* dan *Tarbiyah al-Dzikr wa al-Muraqabah*. Syeikh Ahmad Khathib bin Abdul Ghaffar bin Abdullah bin Muhammad as-Sambasi (1803-1875) merupakan antara tokoh terawal yang mengembangkan pendidikan Islam di Sambas dan Nusantara.

Dalam tulisan lain seperti (Jabbar, 2016; Mahrus, Prasojo, & Busro, 2020; Mardiyati, 2011; Suhardi, Mulyono, Syakhrani, Aslan, & Putra, 2020) turut membahas tentang pendidikan Islam di zaman kegemilangan kesultanan Sambas iaitu Sultan Muhammad Shafiuddin II dan sultan yang berikutnya.

Secara ringkas, kajian literatur ini boleh dilihat dalam jadual di bawah:

**Jadual 1: Tema dan Perbincangan dalam Pendidikan Islam di Sambas**

Bil	Tema	Perbincangan
1	Tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Peranan Maharaja Imam Muhammad Basiuni Imran (1885-1976) dalam pendidikan Islam</li> <li>-Peranan Sultan Muhammad Shafiuddin II bin Sultan Abubakar Tajuddin II(1866 - 1924) dalam membangunkan ekonomi Sambas untuk membantu pendidikan di Sambas</li> <li>-Syeikh Ahmad Khathib bin Abdul Ghaffar bin Abdullah bin Muhammad as-Sambasi (1803-1875) dalam gerakan Tassawuf dan pendidikan Islam</li> </ul>
2	Institusi Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Berdirinya Madrasah Al-Sulthaniyah</li> <li>- Madrasah Asasun Najah</li> </ul>

---

- Tarbiyatul Islam

3 Pendidikan Islam

- Perubahan silibus dan kurikulum  
- Kegemilangan Pendidikan Islam
- 

Sumber: (Anam et al., 2022; Ardiansyah, 2020; Jabbar, 2016; Mahrus, 2018; Mardiyati, 2011; Parwanto, 2019, 2022; Safitri & Yusnita, 2020; Suhardi, Mulyono, Syakhrani, et al., 2020)

**Pengertian**

Gerakan dari segi bahasa menurut Kamus Dewan, Edisi Keempat (Baharom(Ed), 2007) bermaksud hasil bergerak, perbuatan bergerak, usaha, kegiatan pergerakan. Gerakan dalam kajian ini memberikan maksud usaha dan upaya yang dijalankan oleh tiga orang tokoh yang signifikan dalam membangun pendidikan Islam di Sambas iaitu Sultan Muhammad Shafiuuddin II Bin Sultan Abubakar Tajuddin II(1866 - 1924), Syeikh Ahmad Khathib bin Abdul Ghaffar bin Abdullah bin Muhammad as-Sambasi (1803-1875) dan Maharaja Imam Muhammad Basiuni Imran (1885-1976).


Institusi Pendidikan Islam- Maksud institusi menurut Kamus Dewan (Baharom(Ed), 2007) iaitu “badan atau organisasi yg ditubuhkan utk sesuatu tujuan tertentu”. Manakala pendidikan bermaksud “ilmu didik, ilmu mendidik pengetahuan mendidik”. Untuk kajian ini, badan pendidikan Islam yang menjalankan usaha pendidikan Islam di Sambas ialah Madrasah Al-Sulthaniyah.

Pemerintahan menurut Kamus Dewan (Baharom(Ed), 2007) ialah “perihal memerintah, cara (sistem) memerintah, pentadbiran”. Dalam kajian ini pemerintahan yang dimaksud ialah pemerintahan Sultan Muhammad Shafiuuddin II Bin Sultan Abubakar Tajuddin II(1866 - 1924) Sambas.

Pengertian tajuk “Gerakan Institusi Pendidikan Islam Di Zaman Pemerintahan Sultan Muhammad Shafiuuddin II Bin Sultan Abu Bakar Tajuddin II(1866 - 1924) Sambas” ialah usaha yang dijalankan oleh beberapa tokoh terkenal di Sambas Indonesia yang gigih berusaha untuk membangunkan pendidikan melalui institusi pendidikan. Bukan sahaja pendidikan Islam, bahkan pendidikan umum dengan menggunakan kaedah integrasi dua pendidikan tersebut. Sultan Muhammad Shafiuuddin II Bin Sultan Abubakar Tajuddin II(1866 - 1924) merupakan seorang sultan yang gigih membangunkan pendidikan untuk semua peringkat lapisan masyarakat daripada bawah sehingga golongan bangsawan. Manakala Syeikh Ahmad Khathib As-Sambasi merupakan tokoh awal di Sambas yang terkenal dengan pembawaan kesufian yang banyak mempengaruhi pendidikan Islam di Sambas bahkan Nusantara. Walaupun beliau banyak bergerak aktif di Mekah, namun beliau memberi didikan Islam dan kesufian kepada penduduk Nusantara yang menuntut ilmu di Mekah. Beliau sempat berdakwah di Sambas dan kembali semula ke Mekah dan wafat di sana. Begitu juga tokoh besar iaitu Maharaja Imam Muhammad Basiuni Imran (1885-1976) yang menjadikan watak utama pembukaan institusi pendidikan di Sambas iaitu Madrasah Al-Sulthaniyah (1916). Maka bermula daripada madrasah ini muncul intitusi pendidikan lain yang membawa hala tuju yang sama iaitu penekanan pendidikan Islam sekali mengintegrasikan pendidikan umum di kalangan masyarakat Sambas dan sekitar.

## Kerangka Kajian

Penulis mengadopsi model Louis Gottschalk(1899 – 1975) dan Kuntowijoyo (1993) dalam tulisan mereka iaitu Mengenal Sejarah (Terjemahan) dan Pengantar Ilmu Sejarah. Kerangka konseptual kajian ini adalah seperti gambarajah berikut:



Sumber: (Gottschalk, 1986)

## Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini ialah:

1. Siapakah pengerak kepada berdirinya pendidikan Islam di Sambas?; dan
2. Bagaimanakah bentuk institusi pendidikan Islam yang lahir di wilayah Sambas siapakah pengerak kepada berdirinya pendidikan Islam di Sambas?

## Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

1. Mengetengahkan tokoh pendidikan Islam seperti Sultan Muhammad Shafieuddin II bin Sultan Abubakar Tajuddin II(1866 - 1924), Syeikh Ahmad Khathib bin Abdul Ghaffar bin Abdullah bin Muhammad as-Sambasi (1803-1875) dan Maharaja Imam Muhammad Basiuni Imran (1885-1976); dan
2. Menyorot institut pendidikan Islam seperti Madrasah Al-Sulthaniyah yang menjadi asas pendidikan unggul di Sambas.

## Metodologi Kajian

Metodologi kajian artikel ini menggunakan metode kualitatif sejarah seperti dilakukan oleh (Kadir, Bujang, Ahmad, & Towpek, 2023) iaitu menggunakan pendekatan Kuntowijoyo (1995), Louis Gottschalk (1975). Metod ini menggunakan empat tahapan iaitu Heuristik, Kritik, Interpretasi dan historiografi.

Tahapan pertama menurut (Istiqomah et al., 2022; Sayono, 2021; Sidik & Sulistyana, 2021) iaitu heuristik (pengumpulan sumber-sumber sejarah sama ada sumber primer atau sekunder). Menurut (Marli, 2011) sumber penulisan sejarah harus dikumpulkan dan diolah dengan metod yang betul untuk membentuk fakta yang relevan. Kajian (Sayono, 2021) menyatakan untuk langkah heuristik dalam ilmu sejarah perlu melalui tiga tahapan iaitu eksplorasi, identifikasi dan klasifikasi. Eksplorasi bermaksud usaha mencari sumber yang dikategorikan sebagai mempunyai informasi tentang peristiwa atau bahan sejarah yang dikaji. Untuk tujuan eksplorasi penulis sejarah boleh menggunakan pendekatan 5W1H iaitu *what, where, when, who, why* dan *how*. Identifikasi bermaksud aktiviti untuk mengenali sumber dengan memeriksa dan meneliti sumber-sumber sejarah yang dijumpai. Dalam penulisan ini, penulis menggunakan bahan sumber primer dan sekunder. Bahan sumber primer yang dimaksudkan ialah manuskrip “Silsilah Acal Segala Radja-Radja Sambas” yang dikaryakan oleh (Kamaruddin, 1853) “Silsilah Raja Sambas” oleh (Barkat, 1903) iaitu tulisan tangan Sultan Muhammad Shafiuuddin II Bin Sultan Abubakar Tajuddin II(1866 - 1924) dan banyak lagi. Manakala sumber sekunder sebagai sumber pendukung melalui jurnal dan proceeding konferensi antarabangsa. Kesemua sumber ini dikumpulkan dan diklasifikasikan dalam EndNote V.20.1.

Selepas itu, tahapan kedua iaitu mengkritik manuskrip tersebut dari segi eksternal (luaran seperti kertas dan ink dakwat dan lain-lain) dan internal (kritik teks sejarah sama ada fakta sejarahnya konsisten atau ada fakta yang mencurigakan). Tujuan daripada kritik ini menurut (M. Dien Madjid, 2014) untuk mengenalpasti keabsahan dan kredibiliti sesuatu teks atau sumber yang berkaitan. Setiap sumber sejarah dibanding dengan lain untuk mengukur keaslian serta relevan dengan fakta sejarah yang dikaji. Kritik Internal diperlukan dalam penulisan sejarah untuk menguji keabsahan fakta yang ditulis. Menurut (Elmawa, 2016) manuskrip yang dikaji diperlukan difahami kerana fakta mengikut perkembangan zaman semasa dan perlu cermat mengamati dan memahami dalam kontek semasa dan kemudianya diertikan sesuai dengan zaman sekarang. Nilai kritis secara objektif diperlukan terutama menyangkut persoalan peradaban dan sosial masyarakat. Dalam kajian ini, penulis memahami dan menganalisa manuskrip tulisan jawi bahasa Melayu Sambas yang ada kemiripan dengan bahasa Melayu Dialek Sarawak. manuskrip setebal 54 muka surat dalam manuskrip “Silsilah Raja Sambas” mengungkap beberapa fakta yang hampir sama dengan manuskrip-manuskrip yang digunakan untuk pengukuhan dan keabsahan fakta. Dalam masa yang sama, terdapat beberapa fakta yang berbeza dengan manuskrip-manuskrip sedia ada terutama menyangkut persoalan lokasi dan peristiwa seperti dalam manuskrip “Silsilah Acal Segala Radja-Radja Sambas”. Hal ini diperbincangkan secara mendalam untuk menjawab objektif kedua kajian ini. Tahapan ketiga ialah interpretasi sejarah iaitu menghuraikan dan menganalisa fakta sejarah dengan kenyataan yang ada dengan memberi nilai faham yang sebenar. Salah satu cara interpretasi yang digunakan dalam sejarah ialah metod hermeneutika. Menurut (Sidik & Sulistyana, 2021) bahawa hermeneutika ialah sebagai satu upaya untuk memahami sebuah pemahaman apa juga keadaan seperti dalam teks atau ungkapan. Hermeneutika dalam penulisan sejarah sebagai salah satu metod menafsirkan teks. Penafsiran tersebut harus melalui kajian falsafah dan teori sehingga ia mampu membentuk disiplin berkaitan penafsiran teks (sumber sejarah). Cara pengolahan fakta tersebut dilihat oleh (Herlina, 2020) harus disintesiskan segala fakta-fakta yang saling berhubungan di antara satu sama lain. Ia mengukuh fakta sedia ada untuk membentuk kesimpulan yang tepat. Oleh yang demikian, menurut (Saiman, 2011; Sudhiatmika, Suardiana, & Sancaya, 2018) menyatakan analisa fakta-fakta yang menyeluruh terhadap beberapa manuskrip penting bagi menghasilkan fakta sejarah yang

relevan. Maka pendekatan tersebut disebut sebagai deduktif. Kesesuaian fakta melalui beberapa manuskrip mampu meletakkan kebenaran peristiwa sehingga lahir sebuah fakta yang benar dan logik. Manakala fakta yang terpencil yang menggundang perbezaan perlu ditelaah lebih mendalam supaya kejanggalan fakta tersebut ketika tidak digunakan melalui proses akademik yang tulen.

Menurut (Agustian, Wibowo, & Utama, 2021) tahapan terakhir ialah penulisan historiografi iaitu penulisan sejarah berdasarkan fakta-fakta yang bersaling kait antara satu sama lain). Penulisan tersebut tidak terlepas dengan interpretasi yang menghidupkan semula fakta-fakta yang bersegmen. Kenyataan sejarah yang ditulis kelihatan “hidup” kerana diharmonikan dengan nilai falsafah dan teori sejarah. Dalam hal ini, penulis cuba mengangkat sejarah pendidikan Islam di Sambas yang unik dengan berakar pendidikan Islam kemudian diintegrasikan dengan pengetahuan umum supaya masyarakat Sambas mampu selari dengan perkembangan zaman dan kondisi.

Cabaran penulisan ini ialah mengenalpasti manuskrip-manuskrip yang sezaman dengan kajian yang dijalankan. Di samping sumber yang terhad, terdapat manuskrip-manuskrip yang disimpan secara tidak sempurna oleh penyimpan manuskrip sehingga terdapat tulisan yang tidak mampu dibaca dengan baik.

### Dapatan Kajian

#### **Sultan Muhammad Shafiuddin II bin Sultan Abubakar Tajuddin II(1866 - 1924)**

Sultan Muhammad Shafiuddin II bin Sultan Abubakar Tajuddin II(1866 - 1924) merupakan keturunan kepada garis keturunan Sultan Tengah yang berasal daripada kerajaan Brunei Darussalam. Banyak manuskrip menuliskan tentang salasilah keturunan Sambas seperti (Abbas, tt; Barkat, 1903; Basioeni, 1940; Kamaruddin, 1853; Sambas, tt; Tajuddin, 1905). Pengkaji seperti (Gallop, 2019) menghuraikan tentang salasilah Kesultanan Brunei melalui kajian manuskrip “*Silsilah Raja-Raja Brunei: The Manuscript of Pengiran Kesuma Muhammad Hasyim*” yang membahas keturunan Kesultanan Brunei dan kaitannya dengan Kesultanan Sambas melalui susur galur Sultan Tengah yang melahirkan keturunan Kesultanan Sambas iaitu Raden Sulaiman yang digelarkan sebagai Sultan Shafiuddin 1. Dalam catatan ini hanya menyebut sepintas lalu hubungan Brunei-Sambas yang melahirkan keturunan kerajaan Sambas dan Matan. Kenyataan berikut melihat hubung kait tersebut iaitu:

“Bermula adapun pancar Raja Tengah yang kerajaan di negeri Sambas, ialah raja2 Sambas. Yang menjadi raja kerajaan di negeri Sambas anak cucunya Marhum Tengah, dan setengah jadi di Matan anak cucunya Raja Bakas yang bernama Panembahan anak Marhum Tengah di Sambas juga, itulah anak cucu Marhum di Tanjung Paduka Seri Sultan Hasan, wa-Allāhu a‘lam”

Banyak penulisan berkaitan keturunan kesultanan Sambas yang berawal daripada Sultan Shafiuddin 1 (Raden Sulaiman) sehingga berakhirnya kekuasaan Sambas ketika berdirinya Republik Indonesia. Antara penulis tersebut ialah (Abdul Kadir, 2022; Hidayat, 2022; Mardiyati, 2011; Mohamed et al., 2018; Posha, Sewang, Kara, & Siraj, 2018; Safitri & Yusnita, 2020; Sunandar & Huda, 2019; Thoriq, 2019). Pemerintahan kesultanan Sambas adalah seperti berikut:

“.....nama Sultan yang telah memimpin Sambas dan membawa pengaruh agama Islam di Sambas secara keseluruhan, adalah; Pertama, Raden Sulaiman bin Raja Tengah dengan gelar Sultan Muhammad Syafiuddin (1630-1669 M). Kedua, Raden Bima bin Raden Sulaiman dengan gelar Sultan Muhammad Tajudin (1669-1702). Ketiga, Marhum Mulia atau Murhum Adil bin Raden Bima dengan gelar Sultan Umar Aqamaddin I (17021727 M). Keempat, Marhum Bungsu dengan gelar Sultan Abu Bakar Kamaluddin (17271757). Kelima, Raden Jamak bin Marhum Bungsu dengan gelar Sultan Umar Aqamaddin II (1757-1782 M). Keenam, Marhum Tanjung atau Raden Gayung bin Raden Jamak dengan gelar Raden Muda Ahmad dan Sultan Muda Ahmad Tajuddin (1782-1798 M). Ketujuh, Marhum Janggung atau Raden Mantri bin Raden Jamak dengan gelar Sultan Abu Bakar Tajuddin (1798-1813 M). Kedelapan, Marhum Anom atau Raden Pasu bin Raden Jamak dengan gelar Sultan Muhammad Ali Shafiuddin (1813-1826 M). Kesembilan, Marhum Usman atau Raden Timba bin Raden Jamak dengan gelar Sultan Usman Kamaluddin (1826-1829 M). Kesepuluh, Marhum Tengah atau Raden Semar bin Raden Jamak dengan gelar Sultan Umar Aqamaddin III (1829-1848). Kesebelas, Marhum Tajudin atau Raden Ishak Kalukuk bin Murhum Anom dengan gelar Anom Natakusuma dan mendapatkan gelar kembali Sultan Abu Bakar Tajuddin II (1848-1853 M). Kedua belas, Marhum Umar atau Raden Tokok bin Murhum Usman dengan gelar Pangeran Mangku Negara dan Sultan Umar Kamaluddin (1853-1866 M). Ketiga belas, Marhum Cianjur atau Raden Afifuddin atau Raden Afifin bin Marhum Tajudin dengan gelar Pangeran Adipati kemudian mendapat gelar Sultan Muhammad Syafiuddin II (1922-1931 M). Keempat belas, Raden Mulia Ibrahim bin Pangeran Adipati Ahmad bin Marhum Cianjur dengan gelar Sultan Mulia Ibrahim (1931-1943 M)”

Menurut (Nordiansyah, Sunandar, & Zabidi, 2022; Safitri & Yusnita, 2020) bahawa Sultan Muhammad Shafiuddin II bin Sultan Abubakar Tajuddin II(1866 - 1924) adalah insan yang berjasa dalam perkembangan pendidikan Islam di Sambas sehingga disebut sebagai Serambi Mekah. Kualiti pendidikan di Sambas dapat dilihat bahawa sesiapa yang tamat belajar di Sambas sama kemampuan dan kualiti dengan alumni daripada pendidikan di Mekah. Kepimpinan baginda Sultan yang prihatin dengan putera-putera Sambas mengorak langkah dengan menghantar pelajar-pelajar ke Timur Tengah. Baginda Sultan memberikan kesempatan Muhammad Basiuni Imran, Ahmad Fauzi dan Abdurrahman Hamid untuk belajar di Universiti Al Azhar, Kairo, Mesir. Mereka bertiga mendapat biasiswa daripada baginda Sultan sehingga mereka tamat belajar. Setelah menamatkan pendidikan di Mesir mereka kembali ke Sambas dan mengawal selia Madrasah Al-Sulthaniyah.

Faktor langsung kepada perkembangan pesat ilmu pengetahuan di Sambas didorong oleh faktor ekonomi yang mapan di era pemerintahan Sultan Muhammad Shafiuddin II bin Sultan Abubakar Tajuddin II(1866 - 1924). Menurut (Jaelani & Risa, 2023) pendapatan ekonomi di Sambas meningkat selepas polisi ekonomi yang dilaksanakan oleh baginda sultan merangsang perolehan pendapatan bagi Sambas. Baginda sultan menggalakkan penduduk Sambas untuk perniagaan perladangan. Baginda sultan membina terusan untuk memudahkan para peladang mengutip dan menghantar hasil kelapa. Selain kelapa, terdapat tanaman lada, getah, gambir, sago dan pinang. Kelapa dijadikan kopra dan minyak kelapa. Kopra ini diekspot sehingga ke Singapura kerana mendapat sambutan yang tinggi. Selain perladangan, sudut perlombongan

seperti emas dan bauksit turut rancak di Sambas sehingga membawa pelombong orang Cina datang ke Sambas untuk melombong emas.

Menurut (Nordiansyah et al., 2022; Parwanto, 2022), baginda Sultan yang menjadi pengasas dan pendiri Madrasah al-Sultaniyah pada tahun 1916. Alasan kukuh mendirikan institusi pendidikan ini ialah kepentingan pentadbiran dan pengurusan madrasah tersebut dalam upaya membangunkan sistem berpusat khususnya pendidikan, membangunkan sumber daya manusia di kalangan rakyat Sambas dan sekitarnya dan terakhir ialah membangun pemerintahan yang stabil antara pemimpin, ulama dan rakyat secara keseluruhan. Baginda Sultan sendiri pernah menuntut di Sekolah Belanda di Batavia dikhususkan untuk elit putera mahkota. Baginda Sultan mempelajari selok belok pemerintahan semasa berada di Batavia dan Ciamis. Tujuan baginda mendirikan sekolah yang mempunyai dua aliran yang berbeza seperti Madrasah al-Sultaniyah bagi memastikan anak bangsa yang cerdas dalam dua dimensi iaitu dunia ni dan akhirat (agama). Baginda Sultan meletakkan pendidikan sama rata kepada semua rakyat tanpa melihat stratifikasi sosial. Rakyat berhak untuk mengecapi pendidikan sehingga mereka berminat untuk sekolah di Madrasah al-Sultaniyah.

### **Syeikh Ahmad Khathib bin Abdul Ghaffar bin Abdullah bin Muhammad bin Jalaludin as-Sambasi (1803-1875)**

Menurut (Al Farisi, 2023; Hidayat, 2022; Jaelani & Risa, 2023; Ridwan & Ikhwan, 2021) beliau dilahirkan di kampung Dagang Sambas pada tahun 1803 bersamaan 1217 M. Semasa muda, beliau berguru dengan bapa saudara dalam ilmu Islam, al-Quran. Kemudian pada umur 17 tahun, beliau mengerjakan ibadah haji serta menuntut ilmu Islam di Mekah dan belajar banyak cabang ilmu dalam Islam. Beliau berkahwin dengan wanita Arab yang bergaris keturunan Melayu. Beliau tinggal di Mekah sehingga akhir hayatnya. Beliau berguru dengan Sheikh Shamsuddin untuk tareqat Qadiriyah. Beliau turut belajar dengan Syeikh Daud Al-Fathani. Oleh kerana kecerdasan akal, guru-guru dan rakan lain mengiktiraf kecerdasan akal dalam menuntut ilmu sehingga beliau dilantik gurunya, Syeikh Shamsuddin sebagai Syeikh Murshid Kamil al-Mukammil. Beliau memperkenalkan jalan tareqat iaitu *Qadiriyah wa Naqsyabandiyah*. Antara anak muridnya yang terkenal ialah Syeikh Tholhah bin Talabuddin yang akhirnya nanti mengembang ajaran tareqatnya sehingga memberi pengaruh di Pesantren Tundagan Tasikmalaya. Anak muridnya yang lain ialah Syeikh Nuruddin dan Syeikh Muhammad Sa'ad. Perkembangan tareqat ini lebih ketara di Sambas sehingga berdirinya institusi yang mengatasnamakan tareqat ini. Sama halnya di Malaysia, perkembangan tareqat ini dibawa oleh Ahmad Shah di Pontian, Johor dan di Perak yang dibawa oleh Syeikh Muhammad Zain dari Simabur, Minangkabau (anak murid Syeikh Ismail al Minangkabawi). Penyebaran cukup meluas di Indonesia dan Malaysia seperti dikembangkan oleh Kiyai Abdul Karim (Banten), Khiyai Kholil Bangkalan (Madura), Kiyai Ahmad Thalhah (Cirebon), Kiyai Ahmad Hasbullah (Madura), Muhammad Ismail Abdul Rahim (Bali), Ahmad (Lampung), Muhammad bin Abdullah Al-Khatib (Lampung) dan Syeikh Yasin (Kedah, Malaysia).

Menurut (Al Farisi, 2023) beliau terkenal dengan jalan kesufian. Karya beliau terkenal iaitu *Futuh al-ariffin*. Kajian lepas mendapati bahawa teks manuskrip *Futuh al-Arifin* (atau dikenali juga Kitab *Fath al-Arifin*) mempunyai tiga versi bahasa Melayu dan tiga berbahasa Jawa. Dalam teks manuskrip tersebut menimbulkan kepekaan sosial dan muamalah yang baik serta ketenangan hati melalui zikir. Merujuk (Hermawati, 2023) zikir seperti diungkapkan dalam *Fath al-Arifin* adalah satu upaya insan untuk membangun karakter peribadi dan bukan hanya semata-mata sebagai ilmu. Ini berbeza pendekatan yang dibawa oleh tokoh ini yang

mengutamakan pembangunan karakter peribadi dibandingkan dengan tuntutan sebagai ilmu pengetahuan.

Berdasarkan pandangan (Al Farisi, 2023; Ridwan & Ikhwan, 2021) inti utama ajaran tareqat yang dikembangkan oleh Syeikh Ahmad Khatib ialah menekankan ajaran kesufian yang mendekatkan diri kepada Allah SWT. Dalam hal ini hubungan antara anak murid dan guru ditekankan dengan kehormatan yang luar biasa demi membentuk nilai keperibadian tinggi. Tujuannya ialah untuk memastikan ajaran berjalan dengan baik dan perjalanan spiritual yang mudah sehingga tercapai amal saleh yang berkualiti. Misal kata setiap inci pekerjaan yang diarahkan oleh guru hendaklah diselesaikan dengan segera dan selesai sesuai perintah guru. Menurut (Hidayat, 2022) ajaran daripada tareqat ini mampu mengerakkan perlawanan dan anti penjajahan Belanda yang banyak menguasai wilayah Indonesia sebelum merdeka.

Kontribusi pemikiran pendidikan dan kesufian yang dilontarkan oleh tokoh besar Syeikh Ahmad Khathib mampu mencorak pendidikan Islam di Sambas secara langsung dan tidak langsung. Pemikiran pendidikan dan kesufiannya tidak pernah dipinggirkan di Sambas dan bahkan Nusantara sehingga penyebaran tarekat yang dikembangkan olehnya sehingga sekarang masih diamalkan. Manakala pedagogi pendidikannya masih relevan dan mampu mencorakkan hubungan istimewa antara guru dan pelajar serta sekaligus mencetak akhlak yang tinggi para pelajar. Keunggulan pendidikan bukan dilihat ketinggian ilmunya tetapi akhlak sempurna yang menjadi matlamat akhir dalam pendidikan Islam.

### ***Maharaja Imam Muhammad Basiuni Imran (1885-1976)***

Merujuk (Mohamed, 2021; Mukhlishin, 2022) Muhammad Basiuni Imran (1885-1976) dilahirkan di Sambas pada 16 Oktober 1885 (bersamaan 25 Zulhijjah 1302H). Keluarga beliau memiliki kedudukan yang tinggi dalam istana kesultanan Sambas kerana latar belakang keluarga yang mempunyai ilmu Islam yang tinggi di kalangan masyarakat Sambas. Datuknya dan ayahnya pernah menjadi Maharaja Imam. Beliau mendapat pendidikan awal di rumahnya sendiri. Ayahnya sebagai seorang Maharaja Imam di Sambas. Di samping itu, beliau belajar sekolah rakyat di Sambas. Dalam pendidikan Islam, beliau pernah berguru dengan bapa saudaranya iaitu Muhammad Djabir (pernah menjadi Maharaja Imam). Beliau menuaikan ibadah haji dan terus melanjutkan pendidikan Islam di Mekah secara non formal. Berguru ilmu nahuw, sarf dan fiqh dengan Syeikh Umar Sumbawa dan Syeikh Usman Abdul Wahab. Beliau turut belajar ilmu fiqh bersama Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau. Gurunya lain bernama Ali Maliki tentang bahasa Arab dan ilmunya. Ketika di Mekah, beliau sudah mengenali tokoh pembaharuan Islam seperti Jamal al-Din al Afghani, Syeikh Muhammad Abduh dan Muhammad Rasyid Ridha. Setelah lima tahun di Mekah, beliau kembali ke Sambas. Beliau menjadi pembantu Imam di Masjid Jami Sambas. Niat untuk menuntut ilmu tidak terpadam sehingga beliau melanjut pelajaran ke Universiti Al-Azhar, Mesir bersama kawannya (seperti dibincang sebelum ini).

Semasa hidupnya, menurut (Mukhlishin, 2022; Nurmansyah & Oktaviana, 2022) beliau berkahwin Muzinah binti Imam H. Hamid dan mempunyai anak seramai enam orang iaitu Wahajah, Hasibah, Sabihah, Hanunah, No'ma dan Muhammad Rasyid. Setelah isterinya meninggal dunia, beliau berkahwin dengan Mas Marhana. Beliau dikurniakan sepuluh orang anak iaitu Maunah, Makinah, Sahal, Badran, Dawyah, Nazimi, Taqiyuddin, Riyat, Jamaluddin dan Mustafa Imam.

Merujuk (Jaelani & Risa, 2023) sepanjang Maharaja Imam Muhammad Basiuni Imran (185-1976) memegang jawatan Maharaja Imam, beliau selalu menggalakkan program pendidikan di masjid dilaksanakan. Beliau sering membaca kitab-kitab berkaitan hal ehwal Islam sehingga jemaah masjid dapat mengambil manfaat. Ini diperakui oleh baginda Sultan sendiri terhadap inisiatif yang dijalankan olehnya sehingga keturunan kesultanan Sambas selalu menjalankan ibadah solat di masjid yang sebelum ini belum pernah berlaku.

Beliau banyak mengarang beberapa tulisan berkaitan Akidah, Tafsir Al Quran dan sejarah. Antara karya beliau, menurut (Parwanto, 2022) ialah jika di bidang *Tarikh at-Tasyri'* dan Fiqh seperti *Kitab Al-Jana'iz*, *Kitab At-Tazkirat Badi'ah fi Ahkam al-Jum'ah*, *Kitab Dau al-Misbah fi Fasakh an-Nikah*, *Kitab Husn al-Jawab 'an Isbat al-Ahillah bi al-Hisab*, *Kitab Manhal al-Gharibin fi Iqamat al-Jumu'ah bi dun al-Arba'in*, *Kitab Tazkir*, *Sabil an-Najah fi Tarikh as-Salah*, *Kitab Tarjamah Durus at-Tarikh asy-Syar'iyyah*, Kitab Risalah Cahaya Suluh, Terjemahan Al-Umm Imam asy-Syafi'i. Manakala kitab syirah ialah Syirah Nabi Muhammad seperti *Kitab Zikir Maulid an-Nabawi*, *Kitab Khulasah Sirah al-Muhammadiyyah*, *Kitab Nur al-Siraj fi Qissat al-Isra` wa al-Mi'raj*, Bidang Tafsir seperti *Kitab Tafsir Surat Tujuh (surat al-Fatiyah, al-'Asr, al-Kautsar, al-Kafirun, al-Ikhlas, al-Falaq dan an-Nas, Kitab Tafsir Ayat As-Siyam* (Tafsir Tentang Hukum Puasa), Bidang Aqidah dan Adab seperti *Kitab Durus at-Tauhid*, *Kitab Bidayat at-Tauhid fi 'Ilm at-Tauhid*, *Kitab Irsyad al-Ghilman fi Adab Tilawat al-Qur'an* dan lain-lain.

Gagasan pendidikan moden dicanang oleh Muhammad Basiuni Imran (185-1976) seperti diungkapkan oleh (Mukhlis, 2022; Suprapto, 2020) yang mana mengambil prinsip fleksibel, pembaharuan, memudahkan dan toleransi. Gagasan ini bukan tercatit dalam manuskrip semata-mata tetapi dijelmakan dalam pembinaan institusi pendidikan Islam yang moden. Pendidikan tersebut bukan menyediakan silabus pendidikan Islam semata-mata tetapi turut mencampurkan ilmu-ilmu bukan agama bagi membangunkan anak bangsa. Pendekatan integrasi antara pendidikan Islam dan pendidikan umum membuktikan betapa prihatin beliau dalam membangun anak bangsa supaya tidak ketinggalan dalam arus perdana dimasa Belanda menguasai politik pemerintahan. Gagasan tidak akan terjadinya jika tidak didukung oleh kesultanan Sambas yang turut membuka pendidikan kepada rakyat tanpa mengenal lapisan sosial (stratifikasi sosial).

Demokrasi pendidikan atau pembaharuan oleh Muhammad Basiuni Imran (185-1976) terlihat oleh (Mukhlis, 2022; Prabowo & Kumalasari, 2022) sebagai upaya menyeluruh kerana pendidikan sebelum ini didominasi oleh lelaki. Namun demikian, persekolahan yang dibuka membenarkan lelaki dan perempuan boleh sama belajar dalam satu kelas. Amalan semacam ini belum pernah berlaku di mana-mana peringkat sekolah sama ada pada sekolah yang dibina oleh pemerintah Belanda atau sekolah yang dibina oleh pemerintah Sambas sendiri. Ini menunjukkan bahawa pendidikan secara insklusif ini memberikan ruang dan peluang yang cukup besar kepada sesiapa saja untuk berjaya dalam hidup. Bukan itu sahaja, sekolah ditadbir secara teratur dengan memperkenalkan kehadiran pelajar, ujian peperiksaan dan memberikan sijil yang menamatkan pendidikan.

### **Madrasah Al-Sulthaniyah (1916)**

Madrasah Al-Sulthaniyah berdiri secara resmi pada tahun 1916 yang dipayungi langsung oleh Kesultanan Sambas. Menurut (Parwanto, 2022) pada awal berdiri Madrasah ini hanya memfokuskan dalam bidang pendidikan Islam sahaja iaitu menggunakan rujukan dari kitab

Timur Tengah seperti kitab : *Al-Islam : Asy-Syari'ah wa 'Aqidah* karya Mahmud Syaltut, *Fath al-Qarib* karya Muhammad Ibnu Qasim, *Jawahir al-Kalamiyah* karya Husein Affandy, *Qawa'id al-Lughah al-'Arabiyyah* karya Hefni Beik, dan *Kalimat at-Tauhid* karya Husein Wali. Atas keprihatinan Muhammad Basiuni Imran dengan mengamati tuntutan koloni Belanda yang membina sekolah rakyat, maka beliau mula memperkenalkan pelajaran umum seperti matematik, membaca dan menulis huruf latin. Perubahan kurikulum pun dilaksanakan atas perkenan baginda Sultan. Bentuk perubahan seperti berikut:

**Jadual 2: Kurikulum dan Tenaga Pengajar Madrasah Al Shultaniyah**

No	Mata Pelajaran	Rujukan	Pengajar
1	Tauhid	<i>al-Islam : Asy-Syari'ah wa 'Aqidah</i> karya Mahmud Syaltut, dan <i>Jawahir al-Kalamiyah</i> karya Husein Affandy,	Muhammad Basiuni Imran
2	Hadis	<i>Shahih al-Bukhari</i> dan <i>Shahih Muslim</i>	Muh. Djabir
3	Fikih	<i>Fath al-Qarib</i> karya M. Ibnu Qasim dan <i>Husn al-Hamidiyah</i>	Abdurrahman Hamid
4	Bahasa Arab	<i>Qawa'id al-Lughah al-'Arabiyyah</i> karya Hefni Beik dan <i>an-Nahw al-Wadhih</i>	M. Sirri dan H. Muh. Arif
5	Syirah	<i>Tarikh al-Islam</i> dan <i>Al-Khayyat</i>	Abdullah Ali
6	Berhitung		Abdullah ali
7	Membaca Latin		Raden Abdul Mutallib
8	Menulis Latin		Raden Abdul Mutallib

Sumber: (Parwanto, 2022)

Menurut (Safitri & Yusnita, 2020) perubahan nama Madrasah al-Sulthaniyah menjadi Madrasah Tarbiyatul Islam (dikenali Sekolah Tarbiatoel Islam) tahun 1936 sesuai dengan perkembangan semasa yang memerlukan perubahan kurikulum dan namanya. Oleh kerana desakan semasa pada fasa pemodenan terutama dalam bidang pendidikan maka perubahan tersebut akhirnya dilaksanakan dengan mewajibkan kelas tahun 1 hingga tahun 3 menggunakan aksara Melayu Jawi dan tahun 4 hingga 6 menggunakan aksara Bahasa Belanda. Tentunya Muhammad Basiuni Imran berdiskusi secara cermat bersama rakan pendidik yang lain daripada aliran umum untuk tujuan perubahan tersebut.

Pendidikan secara gabungan ini, menurut(Parwanto, 2022) dapat membentuk para pelajar yang mempunyai dua keterampilan yang berbeza iaitu ilmu Islam dan ilmu dunia. Paling tidak tuntutan kepada aspek keduniaan tidak ketinggalan dalam arus kemodenan yang dibawa oleh kolonial Belanda. Madrasah Al-Sulthaniyah yang berdiri kukuh di belakang kesultanan Sambas dengan mengubah nama Madrasah Tarbiyatul Islam dan sekaligus kurikulum seperti yang dinyatakan berikut:

**Jadual 3: Kurikulum Baru Tenaga Pengajar**

No	Mata Pelajaran	Pengajar
1	Sejarah (Geschienisch)	Mursyid Idris
2	Matematik (Rekenekunde)	Mursyid Idris
3	Geografi (Natuurkunde)	Mursyid Idris

4	Ilmu Tumbuhan (Palnkunde)	Mursyid Idris
5	Ilmu Haiwan	Mursyid Idris
6	Ilmu Manusia (Manskunde)	Sufyan Ahmad
7	Bahasa Belanda	Sufyan Ahmad
8	Bahasa Melayu	Ariani Hardigaluh
9	Bahasa Arab	Abdurrahman Hamid
10	Menyanyi	Raden Abdul Mutualib
11	Tauhid	Abdurrahman Hamid
12	Fiqh	Abdurrahman Hamid

Sumber: (Parwanto, 2022)

Hasil kajian ini, penulis meringkaskan dapatan kajian seperti berikut:

#### **Jadual 4: Dapatan Kajian Pendidikan Islam di Sambas Perbincangan**

Bil	Tema	Perbincangan
1	Tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Peranan Maharaja Imam Muhammad Basiuni Imran (1885-1976) dalam pendidikan Islam terutama awal berdirinya Madrasah Al Sulthaniyah.</li> <li>-Peranan Sultan Muhammad Shafiuuddin II bin Sultan Abubakar Tajuddin II(1866 - 1924) dalam membangunkan ekonomi Sambas seperti penghasilan kelapa dan emas. Baginda membina terusan di sekitar Sambas untuk memudahkan pengangkutan hasil ladang ke pelabuhan. Hasil ekonomi yang baik mampu membantu pendidikan di Sambas.</li> <li>-Syeikh Ahmad Khathib bin Abdul Ghaffar bin Abdullah bin Muhammad as-Sambasi (1803-1875) dalam gerakan Tassawuf yang berpengaruh sehingga berkembang di Nusantara dan membentuk akhlak yang baik antara pelajar dan guru sekaligu pendidikan Islam lebih bersifat praktikal.</li> </ul>
2	Institusi Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Berdirinya Madrasah Al-Sulthaniyah sebagai landasan pendidikan Islam yang moden dengan menggabungkan ilmu Islam dan moden. Susunan kurikulum dan silibus yang baik mampu memudahkan sesi pengajaran dan pembelajaran di madrasah tersebut.</li> </ul>

Sumber:(Abbas, tt; Abdul Kadir, 2022; Agustian et al., 2021; Al Farisi, 2023; Ali et al., 2021; Anam et al., 2022; Ardiansyah, 2020; Baharom(Ed), 2007; Barkat, 1903; Basioeni, 1940)

#### **Kesimpulan**

Hasil kajian ini mendapati Sultan Muhammad Shafiuuddin II bin Sultan Abubakar Tajuddin II(1866 - 1924), Syeikh Ahmad Khathib bin Abdul Ghaffar bin Abdullah bin Muhammad as-Sambasi (1803-1875) dan Maharaja Imam Muhammad Basiuni Imran (1885-1976) merupakan tokoh-tokoh besar dalam membentuk institusi pendidikan Islam di Sambas. Umara dan Ulama bersatu dalam membangunkan sistem pendidikan yang cemerlang yang diawali dengan memfokuskan bidang pendidikan Islam dan setelah itu mengintegrasikan pendidikan Islam dan umum.

Madrasah Al-Sulthaniyah (1916) menjadi asas kepada perkembangan institusi pendidikan Islam di Sambas yang dipantau langsung oleh kesultanan Sambas dengan peruntukan dana

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

pendidikan yang baik. Pendidikan yang awalnya bermatlamatkan pendidikan Islam semata-mata namun tuntutan situasi dan kondisi zaman yang berkembang kepada kemodenan maka madrasah tersebut merubah imej dengan nama baru iaitu Madrasah Tarbiyatul Islam dan mengintegrasikan pendidikan Islam dan umum.

Kajian ini mampu mengetengahkan tokoh-tokoh besar pendidikan Islam dan umum di Sambas di zaman kegemilangannya seperti yang dinyatakan di atas dan di samping turut mampu memaparkan peranan Madrasah Islamiyah sebagai asas kepada pendidikan Islam dan umum di Sambas. Selepas itu, mampu memunculkan beberapa intitusi pendidikan Islam yang tersusun dari segi silibus dan kurikulumnya.

### Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Teknologi MARA kerana meluluskan projek kajian ini. Tidak lupa juga kepada pihak Istana Kerajaan Sambas yang sudi meminjam beberapa manuskrip sejarah berkaitan Sambas.

### Rujukan

- Abbas, A. (tt). *Tarsilah Raja-Raja Di Dalam Brunei*. [Duplicate]. Manuskip Ampuan Abbas, Tarsilah Raja-Raja Di Dalam Brunei, (PS/PnB/BR/0000682,PS/A/BR/88/1995). Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan.
- Abdul Kadir, A. R., Nurul Azhar, Ahmad, Siti Asmah, Khalid. (2022). MEMBONGKAR HUBUNGAN KEKELUARGAAN DAN POLITIK SILAM KERAJAAN SAMBAS DAN BRUNEI: KAJIAN KUALITATIF BERASASKAN MANUSKRIP. *Journal of Islamic*, 7(45), 258-272.
- Agustian, T., Wibowo, B., & Utama, E. J. P. (2021). Pengaruh Pemahaman Teknik Penelitian Sejarah menggunakan Media Film pada Mata Kuliah Pengantar Ilmu Sejarah. *Sosial Horizon: Jurnal Pendidikan Sosial*, 8(1), 66-72.
- Al Farisi, S. (2023). Pengembaran Ilmiah Dan Peran Syeikh Ahmad Khatib Al-Syambasi Dalam Penyebaran Islam di Nusantara Melalui Thariqat Qadiriyyah Wa Naqabdniiyah. *Khazanah: Journal of Islamic Studies*, 28-41.
- Ali, M., Wahyudi, D., & Komalasari, R. (2021). Lembaga pendidikan islam klasik di nusantara: studi terhadap langgar. *Ri'ayah: Jurnal Sosial dan Keagamaan*, 6(01), 29-47.
- Anam, M., Tanrere, S. B., & Nawawi, M. A. (2022). Pendidikan Karakter Siswa Perspektif Syeikh Ahmad Khatib Sambas. *Andragogi: Jurnal Pendidikan Islam dan Manajemen Pendidikan Islam*, 4(03), 415-439.
- Ardiansyah, Y. (2020). PERKEMBANGAN ISLAM DI KESULTANAN SAMBAS PADA MASA SULTAN MUHAMMAD SYAFIUDIN II (1866-1922 M). *Cendekia Sambas*, 1(2).
- Baharom(Ed), N. (2007). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Barkat, M. T. A. (1903, 4 Disember 1903). *Silsilah Raja Sambas*. Silsilah Sultan Muhammad Syafiuddin II. Istana Sambas.
- Basioeni, M. (1940). *Inilah asal moela2 Yang Djadi Orang Besar dinegeri Beroanai*. [Duplicate]. Sejarah Asal Usul Kerajaan Brunei-Awang Alak Betatar, (PS/A/BR/8/99 PS/PnB/BR/0000897). Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan.
- Elmawa, M. (2016). Filologi Nusantara dan Perpustakaan: Potret Layanan Khusus Pengguna Studi Islam Indonesia. *Pustakaloka: Jurnal Kajian Informasi dan Perpustakaan*, 8(1), 57-70.

- Embong, R. (2020). Perkembangan Pendidikan Islam Di Nusantara: Malaysia Dan Indonesia. *Tamaddun: Jurnal Pendidikan dan Pemikiran Keagamaan*, 21(1), 135-144.
- Gallop, A. T. (2019). Silsilah Raja-Raja Brunei: The Manuscript of Pengiran Kesuma Muhammad Hasyim. *Archipel. Études interdisciplinaires sur le monde insulindien*(97), 173-212.
- Gottschalk, L. (1986). *Mengerti Sejarah*. Jakarta: Universitas Indonesia Press.
- Herlina, N. (2020). *Metode Sejarah*. Bandung: Satya Historika.
- Hermawati, K. A. H. (2023). *The Concept of Remembrance in the Book of Fathul'Arifin and Its Implications for 21st Century Character Education*. Paper presented at the Proceeding International Conference.
- Hidayat, Z. (2022). Unification of Tarekat in Indonesia: A Critical Review. *Hikmah*, 19(2), 238-249.
- Inayah, I. (2021). Model Pendidikan Islam Nusantara. *Jurnal Progress*, 9(2), 195-207. doi:10.31942/pgrs.v9i2.5335
- Istiqomah, I., Fitriani, I. S., Pangestu, I. T., Milinia, L., Pratama, R. A., & Imron, A. (2022). Urgensi Arsip Digital Sebagai Bahan Rujukan Penelitian Sejarah di Era Pandemi Covid-19. *KRAKATOA*, 1(1), 5-10.
- Jabbar, L. A. (2016). Melacak Jaringan Raja-Raja Di Pulau Borneo, Sulawesi dan Sumatera (Studi Naskah Silsilah Raja-raja Mempawah). *Manuskripta*, 6(2), 79-107.
- Jaelani, J., & Risa, R. (2023). Islamic Thoughts of Sambas Ulama of the 19th and 20th Centuries: Typology of Thoughts of Ahmad Khatib Sambas and Muhammad Basiuni Imran. *Jurnal Alwatzikhoebillah: Kajian Islam, Pendidikan, Ekonomi, Humaniora*, 9(2), 503-517.
- Kadir, A. R. A. (2011). *Sejarah dan perkembangan Majlis Islam Sarawak dalam pendidikan dan zakat (1955-1990)*. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
- Kadir, A. R. A., Bujang, S., Ahmad, A. N. Z. A., & Towpek, H. (2023). Perkembangan Institusi Islam di Sarawak Sebelum Pembentukan Malaysia: Progression of Islamic institution in Sarawak before the formation of Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*, 18(1), 1-14.
- Kamaruddin, K. (1853, 21 Mac 2853). *Silsilah Acal Segala Radja-Radja Sambas*. [old paper]. Silsilah Acal Segala Radja-Radja Sambas, (156/667). Sambas.
- La Moane, M., Rama, B., & Achruh, A. (2023). PERKEMBANGAN PENDIDIKAN ISLAM MASA AWAL HINGGA LAHIRNYA KERAJAAN ISLAM DI ACEH, LEMBAGA, DAN TOKOHNYA. *JIP: Jurnal Ilmu Pendidikan*, 1(1), 162-174.
- M. Dien Madjid, J. W. (2014). *Ilmu Sejarah: Sebuah pengantar*. Jakarta: Prenada Media Group.
- Mahrus, E. (2018). *Prototype of the Arab School in the Kingdom of Sambas of West Borneo in the Early 20th Century*. Paper presented at the International Conference on Islamic Education (ICIE 2018).
- Mahrus, E., Prasojo, Z. H., & Busro, B. (2020). Messages of Religious Moderation Education in Sambas Islamic Manuscripts. *Madania: Jurnal Kajian Keislaman*, 24(1), 39-48.
- Mardiyati, I. (2011). PERKEMBANGAN PENDIDIKAN DAN PERILAKU KEBERAGAMAAN PADA MASA KESULTANAN SAMBAS. *Walisono: Jurnal Penelitian Sosial Keagamaan*, 19(2), 335-358.
- Marli, S. (2011). Sejarah dan Pendidikan Sejarah. *Jurnal Cakrawala Kependidikan*, 9(2).
- Mohamed, N. (2021). [Muhammad Basiuni Imran: His Role in Propagating The Superiority of Islam in Sambas, West Kalimantan] Muhammad Basiuni Imran: Peranannya dalam

Menegakkan Syiar Islam di Sambas, Kalimantan Barat. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri*, 22(1), 83-97.

- Mohamed, N., Mohamad, M. Z., Adam, F., Faiz, M., Idris, H. M., Hassan, A. F., & Mahrus, E. (2018). Sambas Sultanate and the Development of Islamic Education. *INTERNATIONAL JOURNAL OF ACADEMIC RESEARCH IN BUSINESS AND SOCIAL SCIENCES*, 8(11).
- Mukhlisin, H. (2022). Pemikiran-Pemikiran Muhammad Basuni Imran Di Bidang Pendidikan, Agama, Politik, Dan Sosial. *Tarbawi Khatulistiwa: Jurnal Pendidikan Islam*, 8(2).
- Nordiansyah, N., Sunandar, S., & Zabidi, A. (2022). Peran elit-elit modern sambas masa pendudukan belanda tahun 1818-1842. *Jurnal SAMBAS:(Studi Agama, Masyarakat, Budaya, Adat, Sejarah) Journal of Religious, Community, Culture, Costume, History Studies*, 5(1), 1-16.
- Nurmansyah, I., & Oktaviana, S. K. (2022). Biography of the Mufti Sultanate in West Kalimantan: H. Muhammad Basiuni Imran (1885-1976 AD) and H. Ismail Mundu (1870-1957 AD). *Journal of Islamic History and Manuscript*, 1(2), 91-108.
- Parwanto, W. (2019). Struktur Epistemologi Naskah Tafsir Surat al-Fatihah Karya Muhammad Basiuni Imran Sambas, Kalimantan Barat. *Jurnal At-Tibyan: Jurnal Ilmu Alquran dan Tafsir*, 4(1), 143-163.
- Parwanto, W. (2022). Muhammad Basiuni Imran: Tokoh Legendaris Islam, Sambas, Kalimantan Barat Abad 20 M. *Al-Fanar: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir*, 5(1), 57-70.
- Posha, B. Y., Sewang, A. M., Kara, S. A. H., & Siraj, A. (2018). Peran Sultan Muhammad Mulia Ibrahim Syafiuddin di Kesultanan Sambas 1931-1943 Dalam Bidang Revitalisasi Lembaga Peradilan Agama. *Jurnal Diskursus Islam*, 6(1), 175-200.
- Prabowo, M. R., & Kumalasari, D. (2022). Perkembangan Sekolah Islam di Pontianak Pada Masa Kolonial (1914-1941). *Handep: Jurnal Sejarah dan Budaya*, 5(2), 147-164.
- Ridwan, Y., & Ikhwan, A. (2021). *Education of Religious Characters in Indonesia*. Paper presented at the 2nd Annual Conference on blended learning, educational technology and Innovation (ACBLETI 2020).
- Safitri, Y., & Yusnita, H. (2020). PENDIDIKAN ISLAM DI KESULTANAN SAMBAS AWAL ABAD XX. *Jurnal SAMBAS:(Studi Agama, Masyarakat, Budaya, Adat, Sejarah) Journal of Religious, Community, Culture, Costume, History Studies*, 3(1), 73-94.
- Saiman, M. (2011). Inovasi metode pembelajaran sejarah. *LENTERA (Jurnal Ilmu-Ilmu Sejarah, Budaya, dan Sosial)*, 2(04), 73-85.
- Sambas. (tt). *Salasilah Raja-Raja Brunei dan Sambas*. [Duplicate]. Manusrip Sambas Salasilah Raja-Raja Brunei dan Sambas, (PS/PnB/BR/0000683 PS/A/BR/89/95, 0000683). Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan.
- Sayono, J. (2021). LANGKAH-LANGKAH HEURISTIK DALAM METODE SEJARAH DI ERA DIGITAL. *Sejarah dan Budaya: Jurnal Sejarah, Budaya, dan Pengajarannya*, 15(2), 369-376.
- Sidik, H., & Sulistyana, I. P. (2021). Hermeneutika Sebuah Metode Interpretasi Dalam Kajian Filsafat Sejarah. *Agastya: Jurnal Sejarah Dan Pembelajarannya*, 11(1), 19-34.
- Sudhiatmika, I. B. W., Suardiana, I. W., & Sancaya, I. (2018). Dongeng I Dempu Awang dan Cerita Pantun Lutung Kasarung Kajian Sastra Bandingan Nusantara. *Jurnal Humanis, Fakultas Ilmu Budaya Unud*, 22(1), 108-114.

- Suhardi, M., Mulyono, S., Aslan, A., Syakhrani, H. A. W., & Putra, P. (2020). Perubahan kurikulum lembaga pendidikan Islam di Sambas pada masa Kesultanan Sambas. *Ta'dibuna: Jurnal Pendidikan Islam*, 9(1), 034-048.
- Suhardi, M., Mulyono, S., Syakhrani, H., Aslan, A., & Putra, P. (2020). Perubahan kurikulum lembaga pendidikan Islam di Sambas pada masa Kesultanan Sambas. *Ta'dibuna: Jurnal Pendidikan Islam*, 9(1).
- Sunandar, S., & Huda, N. (2019). Resonansi Maharaja Imam Muhammad Basiuni Imran (1885-1976) Di Sambas. *Medina-Te: Jurnal Studi Islam*, 15(1), 91.
- Suprapto, J. L. (2020). MESSAGES OF RELIGIOUS MODERATION EDUCATION IN SAMBAS ISLAMIC MANUSCRIPTS. *Madania: Jurnal Kajian Keislaman*.
- Tajuddin, S. M. S. I. b. S. A. (1905, 2016). *Hubungan Kesultanan Brunei Dengan Sambas*. [Salinan Atas Salinan Kesultanan Sambas]. Kesultanan Sambas. Pusat Sejarah Brunei, Istana Sambas.
- Thoriq, T. (2019). PERKEMBANGAN PENDIDIKAN FORMAL DI SAMBAS PADA MASA PEMERINTAHAN SULTAN MUHAMMAD MULIA IBRAHIM TSAFIUDDIN (1931-1943). *MASA: Journal of History*, 1(1).
- Yanti, N. (2019). Sejarah Dan Dinamika Lembaga Pendidikan Islam Di Nusantara (Surau, Pesantren Dan Madrasah). *Mauizhah: Jurnal Kajian Keislaman*, 9(1), 135-164.